



# LAPORAN PERANGKAAN SUKU TAHUN KETIGA 2013



## ISI KANDUNGAN

|  |    |
|--|----|
| <b>1.0 PELESENAN PERUMAHAN SWASTA</b>                                |    |
| 1.1 PENGETAHUAN LESEN PEMAJUAN PERUMAHAN DAN PERMIT IKLAN DAN JUALAN | 1  |
| 1.2 BILANGAN UNIT RUMAH YANG DILULUSKAN PEMBINAAN                    | 3  |
| <b>2.0 PEMANTAUAN PROJEK PERUMAHAN SWASTA</b>                        |    |
| 2.1 STATUS PROJEK PERUMAHAN SWASTA LANCAR, LEWAT DAN SAKIT           | 5  |
| <b>3.0 PENGUATKUASAAN PEMAJU PERUMAHAN SWASTA</b>                    |    |
| 3.1 KOMPAUN  | 8  |
| 3.2 PENDAKWAAN   | 10 |
| 3.3 SENARAI HITAM  | 13 |
| <b>4.0 PEMULIHAN PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI</b>                   |    |
| 4.1 STATUS KESELURUHAN PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI                 | 14 |
| 4.2 PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI MENGIKUT NEGERI                    | 15 |
| <b>5.0 SKIM PINJAMAN PERUMAHAN (SPP)</b>                             |    |
| 5.1 PERMOHONAN DAN KELULUSAN   | 17 |
| 5.2 KUTIPAN BAYARAN  | 19 |
| 5.3 TUNGGAKAN BAYARAN  | 19 |
| 5.4 PELELONGAN   | 21 |
| <b>6.0 PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT</b>                                  |    |
| 6.1 STATUS KESELURUHAN   | 22 |
| 6.2 PROJEK SIAP-DIMILIKI DAN DISEWA                                  | 23 |
| 6.3 PROJEK DALAM PEMBINAAN-DIMILIKI DAN DISEWA                       | 24 |
| 6.4 STATUS PENGISIAN PPR DISEWA                                      | 27 |
| 6.5 STATUS PENJUALAN PPR DIMILIKI                                    | 29 |
| <b>7.0 PENGURUSAN SETINGGAN</b>                                      |    |
| 7.1 BILANGAN SETINGGAN   | 31 |
| <b>8.0 PENGURUSAN ADUAN</b>  |    |
| 8.1 BILANGAN ADUAN YANG DITERIMA                                     | 32 |
| 8.2 JENIS ADUAN PERUMAHAN  | 33 |
| 8.3 ADUAN YANG DITERIMA DI BAHAGIAN PENGUATKUASAAN                   | 34 |

## **1.0 PELESENAN PERUMAHAN SWASTA**

### **1.1 PENGELUARAN LESEN PEMAJUAN PERUMAHAN DAN PERMIT IKLAN & JUALAN**

Sebanyak 2,717 lesen pemajuan perumahan dan permit iklan dan jualan telah dikeluarkan dari Januari 2013 hingga 30 September 2013. Jumlah tersebut meliputi 1,153 pengeluaran lesen pemajuan perumahan dan permit iklan dan jualan **baharu** manakala sebanyak 1,564 lagi adalah **pembaharuan**.

Jumlah pengeluaran lesen pemajuan perumahan dan permit iklan dan jualan pada bulan September 2013 meningkat sebanyak 6.4% iaitu daripada 251 yang dicatatkan pada bulan Ogos 2013 kepada 267 pada bulan September 2013. Peningkatan sebanyak 74.4% bagi **pembaharuan** lesen pemajuan perumahan dan permit iklan dan jualan pada bulan September 2013 menyumbang kepada peningkatan bagi jumlah lesen pemajuan perumahan dan permit iklan dan jualan yang dikeluarkan.

Didapati pengeluaran lesen pemajuan perumahan dan permit iklan dan jualan baharu pada bulan September mencatatkan penurunan sebanyak 56.9% iaitu 56 dicatatkan berbanding 130 pengeluaran lesen pemajuan perumahan dan permit iklan dan jualan baharu yang dicatatkan pada bulan Ogos 2013. Sila lihat Jadual 1.1 dan Carta 1.1.

**JADUAL 1.1: PENGETAHUAN LESEN PEMAJUAN PERUMAHAN DAN PERMIT IKLAN DAN JUALAN DARI JANUARI 2013 HINGGA 30 SEPTEMBER 2013**


| BULAN     | BAHARU | PEMBAHARUAN | JUMLAH |
|-----------|--------|-------------|--------|
| JANUARI   | 205    | 184         | 389    |
| FEBRUARI  | 167    | 147         | 314    |
| MAC       | 180    | 167         | 347    |
| APRIL     | 30     | 66          | 96     |
| MEI       | 103    | 234         | 337    |
| JUN       | 152    | 200         | 352    |
| JULAI     | 130    | 234         | 364    |
| OGOS      | 130    | 121         | 251    |
| SEPTEMBER | 56     | 211         | 267    |
| JUMLAH    | 1,153  | 1,564       | 2,717  |

Sumber: Bahagian Pelesenan Pemajuan Perumahan, JPN 2013

Nota:

Mulai April 2013, Lesen Pemajuan Perumahan dan Permit Iklan dan Jualan telah dikompositkan.

**CARTA 1.1: PENGETAHUAN LESEN PEMAJUAN PERUMAHAN DAN PERMIT IKLAN DAN JUALAN DARI JANUARI 2013 HINGGA 30 SEPTEMBER 2013**




Sumber: Bahagian Pelesenan Pemajuan Perumahan, JPN 2013

## 1.2 BILANGAN UNIT RUMAH YANG DILULUSKAN PEMBINAAN

Dari Januari 2013 hingga 30 September 2013 terdapat sebanyak 140,891 unit rumah telah diluluskan pembinaan. Daripada jumlah tersebut, kelulusan pembinaan bagi rumah kos tinggi adalah yang tertinggi dicatatkan iaitu sebanyak 131,010 unit (93.0%), diikuti dengan rumah kos sederhana sebanyak 4,686 unit (3.3%), rumah kos rendah sebanyak 3,530 unit (2.5%) dan selebihnya adalah permohonan bagi pembinaan rumah kos sederhana rendah sebanyak 1,665 unit (1.2%). Sila lihat Carta 1.2.

**CARTA 1.2: UNIT RUMAH YANG TELAH DILULUSKAN PEMBINAAN DARI JANUARI 2013 HINGGA 30 SEPTEMBER 2013**



Sumber: Bahagian Pelesenan Pemajuan Perumahan, JPN 2013

Berdasarkan Jadual 1.2, didapati jumlah unit rumah yang diluluskan pembinaan pada bulan September 2013 menurun sebanyak 1.6% berbanding bulan sebelumnya di mana 2 kategori rumah (kos sederhana dan kos tinggi) masing-masing mencatatkan penurunan sebanyak 55.4% dan 0.8%. Namun begitu, bilangan unit rumah kos rendah yang diluluskan pembinaan menokok sebanyak 16.5% berbanding bulan sebelumnya. Selain itu, didapati tiada unit rumah kos sederhana rendah yang diluluskan pembinaan dicatatkan dalam tempoh 2 bulan (Ogos dan September 2013). Sila rujuk Jadual 1.2.

**JADUAL 1.2: BILANGAN UNIT RUMAH YANG DILULUSKAN PEMBINAAN DARI JANUARI 2013 HINGGA 30 SEPTEMBER 2013**

| BULAN     | KOS RENDAH | KOS SEDERHANA RENDAH | KOS SEDERHANA | KOS TINGGI | JUMLAH  |
|-----------|------------|----------------------|---------------|------------|---------|
| JANUARI   | 430        | 247                  | 681           | 13,442     | 14,800  |
| FEBRUARI  | 306        | 239                  | 225           | 11,696     | 12,466  |
| MAC       | 1,346      | 693                  | 977           | 16,438     | 19,454  |
| APRIL     | 229        | 149                  | 1,707         | 20,185     | 22,270  |
| MEI       | 78         | 77                   | 446           | 11,375     | 11,976  |
| JUN       | 36         | 34                   | 32            | 13,875     | 13,977  |
| JULAI     | 330        | 226                  | 54            | 9,354      | 9,964   |
| OGOS      | 358        | 0                    | 390           | 17,392     | 18,140  |
| SEPTEMBER | 417        | 0                    | 174           | 17,253     | 17,844  |
| JUMLAH    | 3,530      | 1,665                | 4,686         | 131,010    | 140,891 |

Sumber: Bahagian Pelesenan Pemajuan Perumahan, JPN 2013

Nota : Kategori Rumah Berdasarkan Harga

Kos Rendah

(Kurang daripada RM 42,000)

Kos Sederhana Rendah

(RM 42,001 - RM 70,000)

Kos Sederhana

(RM 70,001 - RM 100,000)

Kos Tinggi


(Melebihi RM 100,000)

## 2.0 PEMANTAUAN PROJEK PERUMAHAN SWASTA

### 2.1 STATUS PROJEK PERUMAHAN SWASTA LANCAR, LEWAT DAN SAKIT

Berdasarkan Carta 2.1, terdapat sebanyak 3,552 projek perumahan swasta sedang dimajukan oleh pemaju perumahan di Semenanjung Malaysia pada 30 September 2013 dan 93.6% daripada jumlah tersebut iaitu 3,326 projek adalah berstatus projek Lancar. Selebihnya iaitu sebanyak 46 projek (1.3%) adalah projek Lewat dan baki 180 projek (5.1%) dikategorikan sebagai projek Sakit.

**CARTA 2.1: STATUS PROJEK PERUMAHAN SWASTA LANCAR, LEWAT DAN SAKIT PADA 30 SEPTEMBER 2013**



Sumber : Bahagian Pemantauan Perumahan Swasta, JPN 2013

Secara keseluruhannya, jumlah projek perumahan swasta yang sedang dijalankan di Semenanjung Malaysia pada 30 September 2013 berkurang sebanyak 176 projek daripada 3,728 projek yang dicatatkan pada 30 Jun 2013. Ini adalah kerana terdapat projek-projek yang telah berjaya disiapkan dengan kelulusan Sijil Layak Menduduki (CFO) / Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) dan juga terdapat projek kategori Sakit pada 30 Jun 2013 dikategorikan sebagai terbengkalai pada 30 September 2013.

Berdasarkan Jadual 2.1, didapati sebanyak 427,308 unit rumah yang sedang dibina adalah dalam kategori Lancar, 11,551 unit rumah dalam kategori Lewat dan 44,285 unit rumah dalam kategori Sakit. Bagi unit yang dijual, 252,430 unit rumah adalah dalam kategori Lancar, 5,701 unit rumah adalah dalam kategori Lewat dan 27,124 unit rumah dalam kategori Sakit.

**JADUAL 2.1: PROJEK PERUMAHAN SWASTA LANCAR, LEWAT DAN SAKIT  
MENGIKUT NEGERI PADA 30 SEPTEMBER 2013**

| NEGERI           | LANCAR     |             |             | LEWAT      |             |             | SAKIT      |             |             |
|------------------|------------|-------------|-------------|------------|-------------|-------------|------------|-------------|-------------|
|                  | BIL PROJEK | UNIT DIBINA | UNIT DIJUAL | BIL PROJEK | UNIT DIBINA | UNIT DIJUAL | BIL PROJEK | UNIT DIBINA | UNIT DIJUAL |
| SELANGOR         | 713        | 110,008     | 55,029      | 23         | 6,272       | 3,453       | 62         | 31,323      | 17,925      |
| JOHOR            | 596        | 78,700      | 59,948      | 19         | 5,135       | 2,155       | 28         | 3,053       | 2473        |
| PERAK            | 453        | 48,988      | 31,944      | 0          | 0           | 0           | 27         | 2,778       | 1679        |
| KEDAH            | 297        | 41,791      | 19,431      | 0          | 0           | 0           | 8          | 1,327       | 748         |
| PAHANG           | 227        | 9,482       | 3,641       | 1          | 50          | 50          | 11         | 975         | 614         |
| P.PINANG         | 200        | 22,315      | 11,478      | 3          | 94          | 43          | 8          | 998         | 882         |
| MELAKA           | 183        | 25,870      | 12,845      | 0          | 0           | 0           | 2          | 145         | 135         |
| N.SEMBILAN       | 171        | 24,332      | 12,414      | 0          | 0           | 0           | 8          | 1,067       | 800         |
| W.P KUALA LUMPUR | 167        | 45,213      | 31,751      | 0          | 0           | 0           | 5          | 624         | 181         |
| KELANTAN         | 158        | 9,520       | 5,322       | 0          | 0           | 0           | 14         | 1,142       | 850         |
| TERENGGANU       | 129        | 9,563       | 7,650       | 0          | 0           | 0           | 7          | 853         | 837         |
| PERLIS           | 32         | 1,526       | 977         | 0          | 0           | 0           | 0          | 0           | 0           |
| JUMLAH           | 3,326      | 427,308     | 252,430     | 46         | 11,551      | 5,701       | 180        | 44,285      | 27,124      |

Sumber : Bahagian Pemantauan Perumahan Swasta, JPN 2013

**NOTA:**

**DEFINISI**

- i) **Lancar** : Projek yang dimajukan mengikut tempoh Surat Perjanjian Jual & Beli (SPJB) iaitu selama 24 bulan bagi pemajuan yang mengikut Jadual G (Hak Milik Individu) dan 36 bulan bagi pemajuan yang mengikut Jadual H (Hak Milik Strata) ;
- ii) **Lewat** : Projek yang mengalami kelewatan antara 10% hingga 30% dan masih berada dalam tempoh Surat Perjanjian Jual & Beli (SPJB); dan
- iii) **Sakit** : Projek yang mengalami kelewatan melebihi 30% atau projek-projek yang telah tamat tempoh Surat Perjanjian Jual & Beli (SPJB).

### **3.0 PENGUATKUASAAN PEMAJU PERUMAHAN SWASTA**

#### **3.1 KOMPAUN**

Dari Januari 2013 hingga 30 September 2013, sebanyak 365 notis kompaun telah dikeluarkan oleh JPN kepada 351 pemaju perumahan swasta di atas kesalahan pengiklanan tidak mengikut butiran iklan yang dikehendaki (P6(1)), kesalahan gagal menghantar laporan juruaudit beserta salinan kunci kira-kira dan akaun untung rugi kepada Pengawal Perumahan (S(7(e)) dan kesalahan di bawah Seksyen 7(f) iaitu gagal menghantar laporan kemajuan projek perumahan kepada Pengawal Perumahan.

Didapati notis kompaun yang dikenakan kepada pemaju yang gagal menghantar laporan juruaudit beserta salinan kunci kira-kira dan akaun untung rugi kepada Pengawal Perumahan mencatatkan bilangan tertinggi iaitu sebanyak 144 notis manakala notis kesalahan yang dikeluarkan terhadap kesalahan di bawah Seksyen 7(f) dan Peraturan 6(1) masing-masing adalah sebanyak 106 dan 115 notis kompaun.

Bagi kutipan kompaun pula, sebanyak RM2,856,500.00 telah berjaya dikutip sepanjang tempoh 9 bulan tahun 2013. Didapati kutipan kompaun pada bulan Julai 2013 menurun sebanyak 73.4% berbanding bulan sebelumnya dan kemudian menokok 153.9% pada bulan Ogos 2013 sebelum kembali menurun sebanyak 65.8% iaitu sebanyak RM144,000.00 jumlah kutipan yang berjaya dikutip pada bulan September 2013. Sila rujuk Jadual 3.1 dan Carta 3.1.

**JADUAL 3.1: JENIS KESALAHAN YANG DIKENAKAN KOMPAUN DAN JUMLAH  
KUTIPAN KOMPAUN DARI JANUARI 2013 HINGGA 30 SEPTEMBER 2013**

| BULAN         | KESALAHAN DI BAWAH AKTA / PERATURAN |            |            | JUMLAH KESALAHAN | BILANGAN PEMAJU | JUMLAH KUTIPAN (RM) |
|---------------|-------------------------------------|------------|------------|------------------|-----------------|---------------------|
|               | P6(1)                               | S7(e)      | S7(f)      |                  |                 |                     |
| JANUARI       | 0                                   | 0          | 0          | 0                | 0               | 420,250.00          |
| FEBRUARI      | 0                                   | 0          | 0          | 0                | 0               | 163,750.00          |
| MAC           | 12                                  | 17         | 42         | 71               | 67              | 464,500.00          |
| APRIL         | 31                                  | 0          | 19         | 50               | 43              | 329,000.00          |
| MEI           | 1                                   | 0          | 45         | 46               | 44              | 124,500.00          |
| JUN           | 0                                   | 83         | 0          | 83               | 83              | 623,000.00          |
| JULAI         | 24                                  | 0          | 0          | 24               | 24              | 166,000.00          |
| OGOS          | 22                                  | 36         | 0          | 58               | 58              | 421,500.00          |
| SEPTEMBER     | 25                                  | 8          | 0          | 33               | 32              | 144,000.00          |
| <b>JUMLAH</b> | <b>115</b>                          | <b>144</b> | <b>106</b> | <b>365</b>       | <b>351</b>      | <b>2,856,500.00</b> |

Sumber: Bahagian Penguatkuasaan, JPN 2013


Nota : S – Subseksyen, P – Sub-peraturan

P6(1) : Kesalahan pengiklanan tidak mengikut butiran iklan yang dikehendaki

S7(e) : Kesalahan gagal menghantar laporan juruaudit beserta salinan kunci kira-kira dan akaun untung rugi kepada Pengawal Perumahan.

S7(f) : Kesalahan gagal menghantar laporan kemajuan projek perumahan kepada Pengawal Perumahan.

**CARTA 3.1: JENIS KESALAHAN YANG DIKENAKAN KOMPAUN DAN JUMLAH KUTIPAN KOMPAUN DARI JANUARI 2013 HINGGA 30 SEPTEMBER 2013**



Sumber: Bahagian Penguatkuasaan, JPN 2013

### 3.2 PENDAKWAAN

Sebanyak 134 kes baharu telah didaftarkan di mahkamah bagi pelbagai kesalahan di bawah peruntukan Akta 118 yang dilakukan oleh pemaju perumahan dan Peraturan-Peraturan berkaitan dari Januari 2013 hingga 30 September 2013. Bilangan kes yang masih aktif sehingga 30 September 2013 adalah sebanyak 69 kes dan bilangan kes yang diselesaikan bagi tempoh 9 bulan ialah 169 kes. Selain itu, tiada kes baharu yang didaftarkan di Mahkamah pada bulan September 2013. Didapati bilangan kes yang diselesaikan pada September 2013 meningkat sebanyak 188.9% berbanding bulan Ogos 2013. Sila lihat Jadual 3.2.

**JADUAL 3.2: STATISTIK KES PENDAKWAAN DI BAWAH AKTA 118 DAN PERATURAN-PERATURAN BERKAITAN DARI JANUARI 2013 HINGGA 30 SEPTEMBER 2013**

| BULAN     | BILANGAN KES BAHARU YANG DIDAFTARKAN DI MAHKAMAH | BILANGAN KES SELESAI | BILANGAN KES MASIH AKTIF |
|-----------|--|----------------------|--------------------------|
| JANUARI   | 0  | 10                   | 94                       |
| FEBRUARI  | 52   | 15                   | 131                      |
| MAC       | 33   | 29                   | 135                      |
| APRIL     | 0  | 3                    | 132                      |
| MEI       | 18   | 11                   | 139                      |
| JUN       | 19   | 60                   | 98                       |
| JULAI     | 4  | 6                    | 96                       |
| OGOS      | 8  | 9                    | 95                       |
| SEPTEMBER | 0  | 26                   | 69                       |
| JUMLAH    | 134  | 169                  | 69                       |

Sumber: Unit Undang-Undang, JPN 2013

Nota:

**Akta 118-** Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966

Data-data yang dipaparkan berkemungkinan akan berubah dari masa ke semasa

Merujuk Jadual 3.3., didapati sebanyak 338 kertas siasatan telah disediakan dari Januari hingga 30 September 2013. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 288 kertas siasatan disediakan adalah bagi kesalahan di bawah Seksyen 16AD(1) iaitu kesalahan pemaju ingkar award Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR), 44 bagi lain-lain kesalahan dan masing-masing 2 kertas siasatan bagi kesalahan di bawah Seksyen 5(1), Peraturan 11(1) dan Peraturan 11(2).

**JADUAL 3.3: PECAHAN KERTAS SIASATAN YANG TELAH DISEDIAKAN  
MENGIKUT KESALAHAN DARI JANUARI 2013 HINGGA 30 SEPTEMBER 2013**

| BULAN         | S.5(1)   | S.16AD(1)  | P.11(1)  | P.11(2)  | LAIN-LAIN | JUMLAH     |
|---------------|----------|------------|----------|----------|-----------|------------|
| JANUARI       | 0        | 16         | 0        | 0        | 0         | 16         |
| FEBRUARI      | 1        | 17         | 1        | 0        | 0         | 19         |
| MAC           | 1        | 26         | 0        | 0        | 0         | 27         |
| APRIL         | 0        | 35         | 0        | 1        | 0         | 36         |
| MEI           | 0        | 70         | 0        | 0        | 0         | 70         |
| JUN           | 0        | 24         | 1        | 0        | 0         | 25         |
| JULAI         | 0        | 23         | 0        | 1        | 1         | 25         |
| OGOS          | 0        | 10         | 0        | 0        | 11        | 21         |
| SEPTEMBE      | 0        | 67         | 0        | 0        | 32        | 99         |
| <b>JUMLAH</b> | <b>2</b> | <b>288</b> | <b>2</b> | <b>2</b> | <b>44</b> | <b>338</b> |

*Sumber: Bahagian Penguatkuasaan, JPN 2013*

*Nota : S – Subseksyen, P – Sub-peraturan*

*S.5(1) : Kesalahan pemajuan perumahan tanpa lesen*

*S.16AD(1): Kesalahan pemaju ingkar award Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR).*

*P.11(1) : Kesalahan kontrak jualan tidak mengikut Format Perjanjian Jual dan Beli di bawah Akta 118*

*P.11(2) : Kesalahan kutipan deposit tanpa menandatangani Surat Perjanjian Jual Beli*

### 3.3 SENARAI HITAM

Berdasarkan Jadual 3.4, didapati seramai 1,240 pemaju perumahan swasta telah disenarai hitam oleh JPN bagi pelbagai kesalahan di bawah Akta 118. Bilangan pemaju yang disenarai hitam pada 30 September 2013 meningkat sebanyak 4.1% berbanding 1,191 pemaju yang direkodkan pada 30 Jun 2013.

**JADUAL 3.4: PEMAJU DAN AHLI LEMBAGA PENGARAH YANG DISENARAI HITAM PADA 30 SEPTEMBER 2013**

| KESALAHAN  | BILANGAN PEMAJU | BIL. AHLI LEMBAGA PENGARAH |
|--|-----------------|----------------------------|
| GAGAL MEMBAYAR KOMPAUN*  | 464             | 1,561                      |
| INGKAR AWARD TTPR*   | 290             | 907                        |
| PROJEK SAKIT   | 268             | 942                        |
| PROJEK TERBENGKALAI  | 117             | 414                        |
| PEMAJUAN TANPA LESEN   | 84              | 188                        |
| PEMAJU YANG DIDAKWA DAN DISABITKAN KESALAHAN DI MAHKAMAH (MELEBIHI RM 10,000)* | 17              | 51                         |
| <b>JUMLAH</b>  | <b>1,240</b>    | <b>4,063</b>               |

Sumber: Bahagian Penguatkuasaan, JPN 2013

**NOTA:**


- i) **Gagal membayar kompaun** : Pemaju perumahan disenarai hitam di peringkat Jabatan kerana masih belum menjelaskan bayaran kompaun yang telah dikenakan oleh JPN.
- ii) **Ingkar Award TTPR** : Pemaju perumahan disenarai hitam di peringkat Jabatan kerana tidak membayar pampasan kepada pembeli rumah. Award telah dikeluarkan oleh Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR)
- iii) **Pemaju yang didakwa dan disabitkan kesalahan di mahkamah (melebihi RM 10,000)** : Pemaju perumahan disenarai hitam di peringkat Jabatan kerana telah dikenakan denda oleh pihak Mahkamah melebihi RM 10,000.

## **4.0 PEMULIHAN PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI**

### **4.1 STATUS KESELURUHAN PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI**

Berdasarkan Carta 4.1, didapati jumlah keseluruhan projek terbengkalai yang disenaraikan pada 30 September 2013 adalah sebanyak 69 projek. Daripada 69 projek tersebut, sebanyak 7 projek (10.1%) dalam perancangan awal pemulihan, 44 projek (63.8%) dalam proses pemulihan dan sebanyak 18 projek (26.1%) telah disiapkan atau selesai dan seterusnya dikeluarkan daripada senarai projek perumahan terbengkalai. Ini menjadikan projek terbengkalai semasa yang disenaraikan pada 30 September 2013 ialah 51 projek.

**CARTA 4.1: STATUS PEMULIHAN PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI PADA 30 SEPTEMBER 2013**



*Sumber: Bahagian Pemulihan Projek Terbengkalai, JPN 2013*

## **4.2 PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI MENGIKUT NEGERI**

Berdasarkan Jadual 4.1, projek terbengkalai semasa yang disenaraikan pada 30 September 2013 adalah sebanyak 51 projek melibatkan 22,480 unit rumah dan 16,161 pembeli. Negeri Selangor mencatatkan bilangan projek terbengkalai tertinggi iaitu sebanyak 19 projek (11,421 unit rumah dan 8,367 pembeli). Ini diikuti oleh negeri Johor sebanyak 11 projek (3,936 unit rumah dan 2,920 pembeli).

**JADUAL 4.1: PROJEK TERBENGKALAI MENGIKUT NEGERI PADA 30 SEPTEMBER 2013**

| NEGERI            | PROJEK TERBENGKALAI PADA 30 SEPTEMBER 2013 |               |               |
|-------------------|--|---------------|---------------|
|                   | BIL. PROJEK                                | UNIT RUMAH    | BIL. PEMBELI  |
| SELANGOR          | 19   | 11,421        | 8,367         |
| JOHOR             | 11   | 3,936         | 2,920         |
| KEDAH             | 6  | 1,460         | 793           |
| PULAU PINANG      | 4  | 2,261         | 1,600         |
| PERAK             | 4  | 675           | 346           |
| NEGERI SEMBILAN   | 3  | 818           | 751           |
| W.P. KUALA LUMPUR | 1  | 936           | 550           |
| MELAKA            | 1  | 554           | 502           |
| PAHANG            | 1  | 340           | 280           |
| KELANTAN          | 1  | 79            | 52            |
| <b>JUMLAH</b>     | <b>51</b>                                  | <b>22,480</b> | <b>16,161</b> |

Sumber: Bahagian Pemulihan Projek Terbengkalai, JPN 2013

Berdasarkan Jadual 4.2, didapati jumlah projek terbengkalai yang dipulihkan dari Januari 2013 hingga 30 September 2013 adalah sebanyak 18 projek, pertambahan sebanyak 4 projek daripada 14 projek yang dipulihkan hingga 30 Jun 2013 . Pertambahan 4 projek yang dipulihkan ini meliputi 2 projek dipulihkan di Selangor dan masing-masing 1 projek dipulihkan di Kedah dan Negeri Sembilan.

Negeri yang menunjukkan penurunan bilangan projek terbengkalai pada 30 September 2013 ialah negeri Selangor, Johor, Negeri Sembilan, Kelantan, Melaka dan Pahang.

**JADUAL 4.2: STATUS PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI MENGIKUT NEGERI PADA 30 SEPTEMBER 2013**

| NEGERI            | BILANGAN PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI                    |  |  |  |
|-------------------|---|--|--|--|
|                   | PROJEK TERBENGKALAI YANG DISENARAIKAN PADA 1 JANUARI 2013 | PROJEK BARU DARI JANUARI 2013 HINGGA 30 SEPTEMBER 2013 | PROJEK YANG DIPULIHAKAN DARI JANUARI 2013 HINGGA 30 SEPTEMBER 2013 | PROJEK TERBENGKALAI YANG DISENARAIKAN PADA 30 SEPTEMBER 2013 |
| SELANGOR          | 23  | 3  | 7  | 19   |
| JOHOR             | 13  | 0  | 2  | 11   |
| KEDAH             | 5   | 3  | 2  | 6  |
| NEGERI SEMBILAN   | 5   | 0  | 2  | 3  |
| PULAU PINANG      | 4   | 0  | 0  | 4  |
| KELANTAN          | 3   | 0  | 2  | 1  |
| PERAK             | 2   | 3  | 1  | 4  |
| MELAKA            | 2   | 0  | 1  | 1  |
| PAHANG            | 2   | 0  | 1  | 1  |
| W.P. KUALA LUMPUR | 1   | 0  | 0  | 1  |
| <b>JUMLAH</b>     | <b>60</b>   | <b>9</b>   | <b>18</b>  | <b>51</b>  |

Sumber: Bahagian Pemulihan Projek Terbengkalai, JPN 2013

## **5.0 SKIM PINJAMAN PERUMAHAN (SPP)**

### **5.1 PERMOHONAN DAN KELULUSAN**

Sebanyak 468 permohonan SPP telah diterima JPN sepanjang Januari 2013 hingga 30 September 2013, peningkatan sebanyak 151 permohonan berbanding 317 permohonan yang dicatatkan sehingga 30 Jun 2013. Permohonan dari Kedah dan Kelantan adalah antara yang tertinggi diterima JPN iaitu masing-masing sebanyak 151 dan 111 permohonan. Bagi kelulusan permohonan, sebanyak 237 permohonan telah diluluskan sepanjang Januari 2013 hingga 30 September 2013 dan negeri Kedah mencatatkan jumlah kelulusan SPP yang tertinggi iaitu sebanyak 96 kelulusan. Sila rujuk Jadual 5.1.

**JADUAL 5.1: PERMOHONAN YANG DITERIMA DAN DILULUSKAN MENGIKUT NEGERI DARI JANUARI 2013 HINGGA 30 SEPTEMBER 2013**

| NEGERI            | TAHUN 2013 |            |
|-------------------|------------|------------|
|                   | PERMOHONAN | DILULUSKAN |
| KEDAH             | 151        | 96         |
| KELANTAN          | 111        | 49         |
| NEGERI SEMBILAN   | 61         | 21         |
| PAHANG            | 32         | 12         |
| TERENGGANU        | 38         | 42         |
| JOHOR             | 38         | 8          |
| SELANGOR          | 16         | 2          |
| PERAK             | 7          | 5          |
| MELAKA            | 5          | 0          |
| W.P. KUALA LUMPUR | 7          | 0          |
| PERLIS            | 2          | 2          |
| <b>JUMLAH</b>     | <b>468</b> | <b>237</b> |

Sumber : Bahagian Skim Pinjaman Perumahan, JPN 2013

*Nota:Bilangan kelulusan permohonan adalah berdasarkan permohonan yang diterima terdahulu.*

Berdasarkan Jadual 5.2, didapati sebanyak 18,428 permohonan SPP telah diterima JPN dari tahun 1976 hingga 30 September 2013. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 8,302 permohonan telah mendapat kelulusan. Selain itu, sebanyak 9,714 permohonan ditolak atau batal dan selebihnya dalam proses tindakan.

**JADUAL 5.2: STATISTIK PERMOHONAN SPP DARI TAHUN 1976 HINGGA 30 SEPTEMBER 2013**

| NEGERI           | BILANGAN PERMOHONAN | BILANGAN PERMOHONAN BATAL / TOLAK | KELULUSAN    |
|------------------|---------------------|-----------------------------------|--------------|
| KELANTAN         | 6,830               | 3,335                             | 3,440        |
| KEDAH            | 3,344               | 1,368                             | 1,796        |
| PERAK            | 2,496               | 1,378                             | 1,106        |
| TERENGGANU       | 1,829               | 1,135                             | 664          |
| PAHANG           | 1,287               | 891                               | 351          |
| JOHOR            | 764                 | 419                               | 323          |
| SELANGOR         | 665                 | 319                               | 327          |
| NEGERI SEMBILAN  | 484                 | 357                               | 99           |
| PERLIS           | 273                 | 173                               | 98           |
| MELAKA           | 249                 | 164                               | 80           |
| W.P.KUALA LUMPUR | 145                 | 121                               | 13           |
| PULAU PINANG     | 62                  | 54                                | 5            |
| <b>JUMLAH</b>    | <b>18,428</b>       | <b>9,714</b>                      | <b>8,302</b> |

Sumber : Bahagian Skim Pinjaman Perumahan, JPN 2013

## **5.2 KUTIPAN BAYARAN**

Didapati sebanyak RM 3,502,107.05 bayaran pinjaman SPP berjaya dikutip dari Januari 2013 hingga 30 September 2013. Kutipan bayaran pada September 2013 menokok sebanyak RM163,637.23 menjadikan kutipan bayaran sebanyak RM347,746.31 berbanding RM184,109.08 yang berjaya dikutip pada bulan Ogos 2013. Sila rujuk Jadual 5.3.

**JADUAL 5.3: KUTIPAN BAYARAN PINJAMAN SPP DARI JANUARI 2013 HINGGA 30 SEPTEMBER 2013**

| BULAN     | KUTIPAN BAYARAN (RM) |
|-----------|----------------------|
| JANUARI   | 337,593.82           |
| FEBRUARI  | 554,606.64           |
| MAC       | 475,111.91           |
| APRIL     | 509,663.36           |
| MEI       | 413,442.44           |
| JUN       | 169,029.36           |
| JULAI     | 510,804.13           |
| OGOS      | 184,109.08           |
| SEPTEMBER | 347,746.31           |
| JUMLAH    | 3,502,107.05         |

*Sumber : Bahagian Skim Pinjaman Perumahan, JPN 2013*

## **5.3 TUNGGAKAN BAYARAN**

Berdasarkan Jadual 5.4, terdapat seramai 1,737 peminjam yang mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman SPP pada 30 September 2013 (pengurangan seramai 52 orang peminjam daripada 1,789 peminjam yang dicatatkan pada 30 Jun 2013). Daripada jumlah tersebut, seramai 743 orang peminjam mempunyai jumlah tunggakan sebanyak RM530,152.17 dalam tempoh kurang daripada 12 bulan. Bilangan peminjam yang mempunyai bayaran tertunggak bagi tempoh 13 bulan hingga 36 bulan adalah seramai 504 orang yang melibatkan bayaran tertunggak sebanyak

RM1,336,747.84. Bagi tempoh tunggakan lebih 37 bulan, seramai 490 peminjam terlibat dan jumlah tunggakan adalah sebanyak RM3,522,020.60.

**JADUAL 5.4: PECAHAN TUNGGAKAN SPP MENGIKUT TEMPOH TERTUNGGAK  
PADA 30 SEPTEMBER 2013**

| TEMPOH TERTUNGGAK        | BIL. PEMINJAM | JUMLAH<br>TERTUNGGAK (RM) |
|--------------------------|---------------|---------------------------|
| KURANG DARIPADA 12 BULAN | 743           | 530,152.17                |
| 13 BULAN HINGGA 36 BULAN | 504           | 1,336,747.84              |
| LEBIH DARIPADA 37 BULAN  | 490           | 3,522,020.60              |
| JUMLAH                   | 1,737         | 5,388,920.61              |

*Sumber : Bahagian Skim Pinjaman Perumahan, JPN 2013*

## **5.4 PELELONGAN**

Sehingga 30 September 2013, seramai 1,193 orang peminjam telah diberi notis 16D iaitu notis kemungkiran mengenai suatu gadaian bagi tujuan pelelongan, peningkatan seramai 302 orang berbanding 891 orang peminjam yang dicatatkan pada 30 Jun 2013. Selain itu, sebanyak 286 kes pelelongan telah diselesaikan dari tahun 2010 hingga 30 September 2013 dan negeri Kelantan mencatatkan bilangan tertinggi kes yang diselesaikan iaitu sebanyak 103 kes. Sila rujuk Jadual 5.5.

**JADUAL 5.5: BILANGAN PEMINJAM SPP DALAM PROSES PELELONGAN MENGIKUT NEGERI DARI TAHUN 2010 HINGGA 30 SEPTEMBER 2013**

| NEGERI          | FAILKAN LELONG | DALAM PROSES SIASATAN | KES SELESAI |
|-----------------|----------------|-----------------------|-------------|
| KELANTAN        | 413            | 17                    | 103         |
| KEDAH           | 409            | 81                    | 91          |
| PERAK           | 201            | 27                    | 34          |
| JOHOR           | 53             | 4                     | 13          |
| TERENGGANU      | 51             | 16                    | 26          |
| PAHANG          | 41             | 1                     | 13          |
| NEGERI SEMBILAN | 8              | 0                     | 2           |
| PERLIS          | 5              | 0                     | 0           |
| SELANGOR        | 7              | 0                     | 3           |
| MELAKA          | 5              | 0                     | 1           |
| <b>JUMLAH</b>   | <b>1,193</b>   | <b>146</b>            | <b>286</b>  |

Sumber : Bahagian Skim Pinjaman Perumahan, JPN 2013

## **6.0 PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT**

### **6.1 STATUS KESELURUHAN**

Secara keseluruhannya, dari tahun 2001 hingga 30 September 2013, sebanyak 138 projek (92,630 unit) Program Perumahan Rakyat (PPR) yang terdiri daripada 88 projek PPR Disewa (75,805 unit) dan 50 projek PPR Dimiliki (16,825 unit) telah dan sedang dilaksanakan (termasuk dalam perancangan) JPN.

Sebanyak 70 projek (66,227 unit) PPR Disewa telah siap dibina dan 18 projek (9,578 unit) sedang dalam pelbagai peringkat pembinaan.

Bagi PPR Dimiliki, sebanyak 23 projek (3,109 unit) telah siap dengan kelulusan CFO/CCC. Sementara itu, 8 projek (4,163 unit) PPR Dimiliki pula sedang dalam pelbagai peringkat pembinaan dan 19 projek (9,553 unit) dalam peringkat perancangan. Sila lihat Jadual 6.1.

**JADUAL 6.1: STATUS KESELURUHAN PROJEK PPR DARI TAHUN 2001 HINGGA 30 SEPTEMBER 2013**

| PROGRAM      | JUMLAH PROJEK |        | JUMLAH PROJEK SIAP |        | JUMLAH PROJEK DALAM PEMBINAAN PADA 30 SEPTEMBER 2013 |        | JUMLAH PROJEK DALAM PERANCANGAN PADA 30 SEPTEMBER 2013 |       |
|--------------|---------------|--------|--------------------|--------|--|--------|--|-------|
|              | Projek        | Unit   | Projek             | Unit   | Projek   | Unit   | Projek   | Unit  |
| PPR DISEWA   | 88            | 75,805 | 70                 | 66,227 | 18   | 9,578  | 0  | 0     |
| PPR DIMILIKI | 50            | 16,825 | 23                 | 3,109  | 8  | 4,163  | 19   | 9,553 |
| JUMLAH       | 138           | 92,630 | 93                 | 69,336 | 26   | 13,741 | 19   | 9,553 |

Sumber : Bahagian Perancangan Dan Pembangunan Projek PPR, JPN 2013

## **6.2 PROJEK PPR SIAP - DIMILIKI DAN DISEWA**

Sebanyak 93 projek PPR yang meliputi 69,336 unit rumah telah disiapkan di seluruh Malaysia dari tahun 2001 hingga 30 September 2013. Daripada jumlah tersebut, 70 projek adalah **PPR Disewa** dan 23 projek lagi adalah **PPR Dimiliki**.

Bagi **PPR Disewa**, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mencatatkan bilangan tertinggi projek yang telah disiapkan iaitu sebanyak 25 projek yang meliputi 32,762 unit rumah. Ini diikuti oleh Sabah dengan 15 projek (13,256 unit rumah).

Pertambahan 2 projek siap **PPR Disewa** iaitu masing-masing 1 di Selangor iaitu PPR Kampung Hassan (300 unit) dan 1 di Negeri Sembilan iaitu PPR Ladang Siliau (150 unit) menjadikan jumlah **PPR Disewa** yang siap dibina di Selangor dan di Negeri Sembilan masing-masing sebanyak 4 dan 2 projek.

Bagi **PPR Dimiliki** pula, sebanyak 23 projek telah disiapkan di Pahang yang melibatkan 3,109 unit rumah. Sila lihat Jadual 6.2.

**JADUAL 6.2: STATISTIK PROJEK PPR YANG TELAH SIAP MENGIKUT NEGERI  
DARI TAHUN 2001 HINGGA 30 SEPTEMBER 2013**

| NEGERI           | PPR DISEWA  |           | PPR DIMILIKI |           |
|------------------|-------------|-----------|--------------|-----------|
|                  | BIL. PROJEK | BIL. UNIT | BIL. PROJEK  | BIL. UNIT |
| W.P.KUALA LUMPUR | 25          | 32,762    | 0            | 0         |
| SABAH            | 15          | 13,256    | 0            | 0         |
| JOHOR            | 7           | 7,108     | 0            | 0         |
| PERAK            | 6           | 675       | 0            | 0         |
| SARAWAK          | 4           | 2,516     | 0            | 0         |
| SELANGOR         | 4           | 5,184     | 0            | 0         |
| KEDAH            | 2           | 1,894     | 0            | 0         |
| PERLIS           | 2           | 1,228     | 0            | 0         |
| PULAU PINANG     | 2           | 698       | 0            | 0         |
| NEGERI SEMBILAN  | 2           | 570       | 0            | 0         |
| MELAKA           | 1           | 336       | 0            | 0         |
| PAHANG           | 0           | 0         | 23           | 3,109     |
| JUMLAH           | 70          | 66,227    | 23           | 3,109     |

*Sumber : Bahagian Perancangan Dan Pembangunan Projek PPR, JPN 2013*

*Nota: Projek Siap ialah projek yang telah memperoleh kelulusan Sijil Layak Menduduki (CFO)/Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC).*

### **6.3 PROJEK PPR DALAM PEMBINAAN - DIMILIKI DAN DISEWA**

Secara keseluruhannya, sebanyak 26 projek PPR (13,741 unit) masih dalam peringkat pembinaan pada 30 September 2013. Daripada jumlah tersebut, 18 projek (9,578 unit) adalah PPR Disewa dan 8 projek (4,163 unit) adalah PPR Dimiliki.

Didapati terdapat sebanyak 12 projek (6,235 unit) PPR Disewa di negeri Sabah dan masing-masing 1 projek di negeri Johor, Terengganu, Sarawak, Perak, Pulau Pinang, dan Perlis. Bagi PPR Dimiliki pula, terdapat 4 projek (563 unit) sedang dalam pembinaan di negeri Pahang, 2 projek (2,100 unit) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 1 projek (1,000 unit) di Kelantan

dan 1 projek (500 unit) di Sarawak menjadikan jumlah keseluruhan unit PPR Dimiliki yang dalam pembinaan adalah 4,163 unit. Sila lihat Jadual 6.3 dan Jadual 6.4.

**JADUAL 6.3: STATISTIK PROJEK PPR DALAM PEMBINAAN MENGIKUT NEGERI PADA 30 SEPTEMBER 2013**

| NEGERI           | PPR DISEWA  |           | PPR DIMILIKI |           |
|------------------|-------------|-----------|--------------|-----------|
|                  | BIL. PROJEK | BIL. UNIT | BIL. PROJEK  | BIL. UNIT |
| SABAH            | 12          | 6,235     | 0            | 0         |
| JOHOR            | 1           | 1,170     | 0            | 0         |
| TERENGGANU       | 1           | 1,002     | 0            | 0         |
| SARAWAK          | 1           | 500       | 1            | 500       |
| PERAK            | 1           | 240       | 0            | 0         |
| PULAU PINANG     | 1           | 231       | 0            | 0         |
| PERLIS           | 1           | 200       | 0            | 0         |
| PAHANG           | 0           | 0         | 4            | 563       |
| W.P.KUALA LUMPUR | 0           | 0         | 2            | 2,100     |
| KELANTAN         | 0           | 0         | 1            | 1,000     |
| JUMLAH           | 18          | 9,578     | 8            | 4,163     |

*Sumber : Bahagian Perancangan Dan Pembangunan Projek PPR, JPN 2013*

*Nota: Projek Dalam Pembinaan ialah projek yang telah mendapat Surat Setuju Terima dan dalam peringkat pembinaan.*

**JADUAL 6.4: PERINCIAN PROJEK PPR DALAM PEMBINAAN MENGIKUT NEGERI  
PADA 30 SEPTEMBER 2013**


| NEGERI                    | BIL | NAMA PROJEK                              | JUMLAH        |
|---------------------------|-----|--|---------------|
| <b>PPR DISEWA</b>         |     |  | <b>9,578</b>  |
| SABAH                     | 1   | PPR KG. KIANSOM BESAR, INANAM            | 1,000         |
|                           | 2   | PPR BUKIT PADANG, KOTA KINABALU          | 760           |
|                           | 3   | PPR JLN. UPPER, KUDAT                    | 500           |
|                           | 4   | PPR KUNAK                                | 400           |
|                           | 5   | PPR KENINGAU                             | 300           |
|                           | 6   | PPR BT 2 1/2, BUBUL LAMA, SEMPORNA       | 832           |
|                           | 7   | PPR SELAGON                              | 67            |
|                           | 8   | PPR JALAN LINTAS SIBUGAR                 | 500           |
|                           | 9   | PPR PEKAN MUHIBBAH                       | 500           |
|                           | 10  | PPR KG. KETIAU, PUTATAN                  | 696           |
|                           | 11  | PPR KG. MERUNTUM, PUTATAN                | 500           |
|                           | 12  | PPR BATU SAPI, SANDAKAN                  | 180           |
| JOHOR                     | 13  | PPR SG. MELANA                           | 1,170         |
| PERAK                     | 14  | PPR BATU 2 1/2 TAIPING                   | 240           |
| PERLIS                    | 15  | PPR KUALA PERLIS                         | 200           |
| PULAU PINANG              | 16  | PPR KG. TOK SUBOH, SEBERANG PERAI TENGAH | 231           |
| SARAWAK                   | 17  | PPR KG. BATU GONG, SIBURAN               | 500           |
| TERENGGANU                | 18  | PPR PADANG HILIRAN                       | 1,002         |
| <b>PPR DIMILIKI</b>       |     |  | <b>4,163</b>  |
| PAHANG                    | 19  | SIMPANG PELANGAI, KG. BENTONG            | 129           |
|                           | 20  | KG. PANDAN LUAR, PEKAN                   | 164           |
|                           | 21  | KG. SERI JAYA, MARAN                     | 150           |
|                           | 22  | PPR KG. TEKEK, TIOMAN                    | 120           |
| W.P. KUALA LUMPUR         | 23  | PPR KEONG                                | 1,600         |
|                           | 24  | PPR SENTUL                               | 500           |
| KELANTAN                  | 25  | PPR GUA MUSANG                           | 1,000         |
| SARAWAK                   | 26  | PPR LAMBIR, MIRI                         | 500           |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> |     |  | <b>13,741</b> |

Sumber : Bahagian Perancangan Dan Pembangunan Projek PPR, JPN 2013

## **6.4 STATUS PENGISIAN PPR DISEWA**

Secara keseluruhannya, daripada 66,227 projek PPR Disewa yang siap dibina, sebanyak 62,861 unit PPR Disewa telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri untuk tujuan pengisian sehingga 30 September 2013. Daripada jumlah tersebut, 56,072 unit PPR telah disewakan kepada golongan setinggan dan golongan berpendapatan rendah manakala sebanyak 6,736 unit PPR masih dalam proses pengisian. Peratusan bagi PPR Disewa yang telah diduduki adalah sebanyak 89.3% manakala 10.7% lagi adalah unit yang masih kosong dan dalam peringkat pengisian. Sila lihat Carta 6.1.

**CARTA 6.1: PERATUSAN PENGISIAN PPR DISEWA DARI TAHUN 2001 HINGGA 30 SEPTEMBER 2013**



*Sumber : Bahagian Perancangan Dan Pembangunan Projek PPR, JPN 2013*

Sehingga 30 September 2013, terdapat sebanyak 62,861 unit PPR Disewa telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 56,072 unit rumah telah diduduki, pertambahan sebanyak 239 unit berbanding 55,833 unit rumah diduduki yang dicatatkan pada 30 Jun 2013. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mencatatkan jumlah yang tertinggi bagi unit PPR Disewa yang diserahkan iaitu sebanyak 32,762 unit. Daripada jumlah tersebut, 29,918 unit telah diduduki, pertambahan sebanyak 43 unit rumah telah diduduki berbanding 29,875 unit rumah diduduki yang dicatatkan pada 30 Jun 2013. Sila lihat Jadual 6.5.

**JADUAL 6.5: PERINCIAN PENGISIAN PPR DISEWA MENGIKUT NEGERI DARI TAHUN 2001 HINGGA 30 SEPTEMBER 2013**

| NEGERI           | JUMLAH UNIT RUMAH YANG DISERAH | JUMLAH UNIT DIDUDUKI | JUMLAH UNIT KOSONG |
|------------------|--------------------------------|----------------------|--------------------|
| W.P.KUALA LUMPUR | 32,762                         | 29,918               | 2,844              |
| SABAH            | 12,256                         | 11,031               | 1,225              |
| JOHOR            | 7,108                          | 6,117                | 991                |
| SELANGOR         | 3,304                          | 2,848                | 456                |
| KEDAH            | 1,894                          | 1,845                | 49                 |
| SARAWAK          | 2,516                          | 1,394                | 1,110              |
| PERLIS           | 1,228                          | 1,205                | 23                 |
| PULAU PINANG     | 698                            | 692                  | 6                  |
| PERAK            | 675                            | 622                  | 12                 |
| NEGERI SEMBILAN  | 420                            | 400                  | 20                 |
| <b>JUMLAH</b>    | <b>62,861</b>                  | <b>56,072</b>        | <b>6,736</b>       |


*Sumber : Bahagian Perancangan Dan Pembangunan Projek PPR, JPN 2013*

## 6.5 STATUS PENJUALAN PPR DIMILIKI

Carta 6.2 menunjukkan peratusan bagi penjualan PPR di negeri Pahang. Sebanyak 2,949 unit (96.31%) daripada 3,062 unit PPR Dimiliki yang telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri Pahang telah ditawarkan kepada pembeli manakala 112 unit (3.7%) masih dalam proses mendapatkan pinjaman dan 1 unit (0.03%) masih belum dijual.

Didapati jumlah unit rumah yang telah ditawarkan kepada pembeli pada 30 September 2013 berkurang dari yang direkodkan pada 30 Jun 2013. Hal ini kerana terdapat 22 unit rumah telah dibatalkan pembelian oleh pembeli di atas sebab-sebab tertentu. Perincian bagi penjualan PPR Dimiliki mengikut projek adalah seperti Jadual 6.6.

**CARTA 6.2: PERATUSAN PENJUALAN PPR DIMILIKI DARI TAHUN 2001 HINGGA 30 SEPTEMBER 2013**



Sumber : Bahagian Perancangan Dan Pembangunan Projek PPR, JPN 2013

**JADUAL 6.6: PERINCIAN PENJUALAN PPR DIMILIKI DI NEGERI PAHANG DARI  
TAHUN 2001 HINGGA 30 SEPTEMBER 2013**

| DAERAH        | PROJEK PPR (M)      | BIL. UNIT    | SELESAI      | DALAM PROSES PINJAMAN | BIL. UNIT BELUM DIJUAL |
|---------------|---------------------|--------------|--------------|-----------------------|------------------------|
| ROMPIN        | MUADZAM SHAH        | 150          | 137          | 12                    | 1                      |
|               | PARIT RAJA          | 150          | 149          | 1                     | 0                      |
|               | LEBAN CHONDONG      | 100          | 100          | 0                     | 0                      |
| LIPIS         | KERAMBIT            | 100          | 77           | 23                    | 0                      |
|               | PADANG TENKU        | 100          | 99           | 1                     | 0                      |
| MARAN         | JENGKA              | 300          | 286          | 14                    | 0                      |
| BERA          | BUKIT MENDI         | 150          | 148          | 2                     | 0                      |
| RAUB          | BATU 17, TERSANG    | 150          | 144          | 6                     | 0                      |
|               | TANJUNG PUTUS       | 100          | 99           | 1                     | 0                      |
| TEMERLOH      | BOLOK HILIR         | 150          | 145          | 5                     | 0                      |
|               | PAMAH KASEH         | 150          | 135          | 15                    | 0                      |
|               | PAYA SOK            | 100          | 100          | 0                     | 0                      |
| PEKAN         | TG. AGAS            | 150          | 144          | 6                     | 0                      |
|               | PALOH HINAI         | 150          | 141          | 9                     | 0                      |
|               | KUALA PAHANG FASA 1 | 318          | 317          | 1                     | 0                      |
|               | KUALA PAHANG FASA 2 | 32           | 29           | 3                     | 0                      |
|               | TG. SELANGOR FASA 1 | 100          | 100          | 0                     | 0                      |
|               | TG. SELANGOR FASA 2 | 62           | 61           | 1                     | 0                      |
|               | TANJUNG BATU        | 150          | 145          | 5                     | 0                      |
| KUANTAN       | KG. HIJRAH          | 150          | 146          | 4                     | 0                      |
|               | KG. BARU GAMBANG    | 150          | 150          | 0                     | 0                      |
| JERANTUT      | IBOL TUNGGAL        | 100          | 97           | 3                     | 0                      |
| <b>JUMLAH</b> |                     | <b>3,062</b> | <b>2,949</b> | <b>112</b>            | <b>1</b>               |

Sumber : Bahagian Perancangan Dan Pembangunan Projek PPR, JPN 2013

## **7.0 PENGURUSAN SETINGGAN**

### **7.1 BILANGAN SETINGGAN**

Pada 30 September 2013, seramai 71,866 keluarga setinggan dicatatkan di seluruh Malaysia dan bilangan ini meliputi seramai 284,994 ahli keluarga. Bilangan keluarga setinggan yang dicatatkan pada 30 September 2013 berkurang sebanyak 273 keluarga berbanding 72,139 keluarga setinggan yang dicatatkan pada 30 Jun 2013. Selain itu, bilangan keluarga setinggan di Perak menunjukkan pengurangan sebanyak 360 keluarga manakala pertambahan sebanyak 87 keluarga setinggan dicatatkan di Pahang pada 30 September 2013. Sila lihat Jadual 7.1.

**JADUAL 7.1: STATISTIK SETINGGAN MENGIKUT NEGERI PADA 30 SEPTEMBER 2013**

| NEGERI           | BIL.<br>KELUARGA(KIR) | BIL.<br>AHLI KELUARGA |
|------------------|-----------------------|-----------------------|
| SABAH            | 35,922                | 140,499               |
| SARAWAK          | 8,431                 | 35,233                |
| JOHOR            | 5,248                 | 21,097                |
| PULAU PINANG     | 4,208                 | 18,909                |
| W.P.KUALA LUMPUR | 3,321                 | 14,945                |
| KEDAH            | 3,005                 | 15,070                |
| SELANGOR         | 2,542                 | 3,299                 |
| PERAK            | 1,709                 | 8,545                 |
| PERLIS           | 1,853                 | 8,570                 |
| KELANTAN         | 1,685                 | 7,780                 |
| TERENGGANU       | 1,517                 | 1,583                 |
| PAHANG           | 1,134                 | 3,339                 |
| W.P.LABUAN       | 970                   | 5,521                 |
| NEGERI SEMBILAN  | 314                   | 585                   |
| MELAKA           | 7                     | 19                    |
| <b>JUMLAH</b>    | <b>71,866</b>         | <b>284,994</b>        |

*Sumber : Bahagian Perancangan Dan Pembangunan Projek PPR, JPN 2013*

## **8.0 PENGURUSAN ADUAN**

### **8.1 BILANGAN ADUAN YANG DITERIMA**

Dari Januari 2013 hingga 30 September 2013, sebanyak 1,422 aduan telah diterima oleh JPN dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,409 (99.1%) aduan telah diselesaikan. Sementara itu, sebanyak 13 aduan (0.9%) adalah masih dalam tindakan. Sila lihat Jadual 8.1.

**JADUAL 8.1: BILANGAN ADUAN DITERIMA DAN DISELESAIKAN DARI JANUARI 2013 HINGGA 30 SEPTEMBER 2013**

| JABATAN                  | JUMLAH ADUAN |                |                        |         |                 |
|--------------------------|--------------|----------------|------------------------|---------|-----------------|
|                          | TERIMA       | DALAM TINDAKAN | PERATUS DALAM TINDAKAN | SELESAI | PERATUS SELESAI |
| JABATAN PERUMAHAN NEGARA | 1,422        | 13             | 0.9%                   | 1,409   | 99.1%           |

Sumber : Unit Korporat, JPN 2013

*Nota:*

*Jumlah aduan yang diterima adalah tidak termasuk aduan berkaitan Akta Bangunan Dan Harta Bersama (Penyenggaraan Dan Pengurusan) 2007 [Akta 663]*

## **8.2 JENIS ADUAN PERUMAHAN**

Berdasarkan Jadual 8.2, didapati sebanyak 943 (66.3%) aduan daripada 1,422 aduan yang diterima adalah di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] dan 479 (33.7%) aduan lagi berkaitan berkaitan PPR, pelesenan, Skim Pinjaman Perumahan dan sebagainya. Aduan berkaitan Akta Bangunan Dan Harta Bersama (Penyenggaraan Dan Pengurusan) 2007 [Akta 663] telah digugurkan daripada JPN berkuatkuasa pada bulan September 2013 kerana Bahagian COB telah ditempatkan di bawah Bahagian Kesejahteraan Bandar, KPKT.

**JADUAL 8.2: JENIS ADUAN YANG DITERIMA OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA DARI JANUARI 2013 HINGGA 30 SEPTEMBER 2013**

| JENIS ADUAN   | JUMLAH |
|---|--------|
| AKTA PEMAJUAN PERUMAHAN (KAWALAN DAN PELESENAN) 1966<br>[AKTA 118]  | 943    |
| LAIN-LAIN<br>- ADUAN BERKAITAN PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR),<br>PELESENAN PEMAJUAN PERUMAHAN, SKIM PINJAMAN PERUMAHAN<br>(SPP) DAN SEBAGAINYA | 479    |
| JUMLAH  | 1,422  |

*Sumber : Unit Korporat,JPN 2013*

### **8.3 ADUAN YANG DITERIMA DI BAHAGIAN PENGUATKUASAAN**

Berdasarkan Jadual 8.3, sebanyak 943 aduan telah diterima di Bahagian Penguatkuasaan dari Januari 2013 hingga 30 September 2013 dan semua aduan yang diterima telah diselesaikan. Aduan berkaitan lesen dan permit iklan dan jualan adalah yang paling banyak di terima di Bahagian ini iaitu sebanyak 425 aduan.

**JADUAL 8.3: JENIS ADUAN YANG DITERIMA DI BAHAGIAN PENGUATKUASAAN DARI JANUARI 2013 HINGGA 30 SEPTEMBER 2013**

| JENIS ADUAN   | JUMLAH     | DISELESAIKAN |
|---|------------|--------------|
| ADUAN BERKAITAN LESEN DAN PERMIT IKLAN DAN JUALAN       | 425        | 425          |
| KECACATAN MUTU KERJA                                    | 153        | 153          |
| ADUAN MELIBATKAN AGENSI LAIN                            | 83         | 83           |
| INGKAR AWARD  | 78         | 78           |
| PELBAGAI ADUAN BERKAITAN PERJANJIAN JUAL BELI           | 71         | 71           |
| ADUAN-ADUAN LAIN  | 65         | 65           |
| SIJIL LAYAK MENDUDUKI (CFO)/PERAKUAN SIAP/PEMATUHAN CCC | 21         | 21           |
| PROJEK BERMASALAH (SAKIT/LEWAT)                         | 18         | 18           |
| HAK MILIK (INDIVIDU/STRATA) DAN BEBANAN TANAH           | 17         | 17           |
| INFRASTRUKTUR (AIR/ELEKTRIK/JALAN MASUK)                | 4          | 4            |
| PROJEK TERBENGKALAI                                     | 4          | 4            |
| PENYENGGARAAN/PENGURUSAN BANGUNAN DAN HARTA BERSAMA     | 4          | 4            |
| <b>JUMLAH</b>   | <b>943</b> | <b>943</b>   |

Sumber : Bahagian Penguatkuasaan,JPN 2013